

Mangsa banjir
gembira
menerima
bantuan
makanan
yang
dihulurkan
oleh pasukan
sukarelawan
Misi Bantuan
NSTP-Media
Prima di
Sekolah Agama
Rakyat, FELDA
Seberang
Tayor,
Kemaman.
[FOTO SALHANI
IBRAHIM/BH]



205 mangsa bah terima bantuan

» **Briged
Sukarelawan
NSTP-Media
Prima agih
barangan**

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bharian.com.my

■ **Kuantan**

Seramai 205 mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Galing, mendapat perhatian Briged Sukarelawan NSTP-Media Prima, semalam.

Bantuan berbentuk bekalan barangan keperluan harian itu diserahkan oleh Ketua Komunikasi Korporat NSTP, Wan Abdillah Wan Nawi, kepada penduduk Kampung Galing yang berada di pusat pemindahan berkeadaan.

Wan Abdillah berkata, bantuan berkenaan adalah bagi meringankan beban mangsa dan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korpo-

rat (CSR) konglomerat media terbesar negara itu dalam membantu rakyat yang dalam kesusahan.

"Kita berterima kasih kepada pihak TESCO dan Adabi yang sentiasa memberi sokongan dalam usaha CSR seperti ini. Sebelum ini, kami sudah mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir di Terengganu dan Kelantan dan di Pahang, kami menyediakan sebanyak 3,200 kampit beras dan 1,600 kilogram minyak masak.

Banjir sudah pulih

"Selain itu, kami turut menyediakan biskut, gula, tepung, susu, mi segera, tuala wanita dan garam untuk semua penduduk yang masih berada di pusat pemindahan. Bekalan ini dianggarkan mampu bertahan untuk tempoh seminggu, dan ia diharapkan dapat meringankan beban mereka," katanya.

Sementara itu, jurucakap bilik operasi bencana Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, ketika dihubungi memaklumkan keadaan banjir di negeri ini sudah pulih sepenuhnya.



Live-well™

DIABETES: JANGAN ABAIKAN TANDA-TANDA KEROSAKAN SARAF...

* FAKTA TENTANG DIABETES & KEROSAKAN SARAF

- 1 daripada 7 orang dewasa di Malaysia menghidap Diabetes!
- Sekurang-kurangnya 60 hingga 70% penghidap diabetes menderita sakit saraf
- Risiko pemotongan kaki adalah 27.7 kali lebih banyak berlaku kepada mereka yang menghidap diabetes
- 50% daripada jumlah pemotongan kaki adalah berlaku kepada penghidap diabetes



Kehilangan
rasa?

Kebas?

Berdenyut-
denyut?

Rasa
panas?

Memperkenalkan Suplemen Oral
Yang Dipercayai Untuk
PENGHIDAP DIABETES
Untuk Membantu Memulihkan
SARAF PERIFERAL YANG ROSAK

- Mengandungi Mecobalamin, Vitamin B12 dalam bentuk aktif dari segi neurologi, penting untuk sistem saraf pusat dan perifer
- Mencegah kemerosotan sistem saraf
- Membantu menyihatkan saraf
- **DOS YANG DISARANKAN:** Ambil 3 biji kapsul setiap hari untuk membantu memulihkan saraf yang rosak



SESUAI UNTUK
PENGHIDAP
DIABETES

KKLIU 1155/2012/ABCS

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ahli farmasi atau hubungi **Live-well INFOline: 03-6142 6570** (Isnin-Jumaat; 9pg-5ptg) atau emel info@livewell2u.com. Boleh didapati di semua kedai farmasi persendirian & berantai terkemuka.



* Rujukan: 1. Malaysian Diabetes Association 2. National Institute of Diabetes and Digestive and Kidney Diseases (NIDDK) of the National Institute of Health, USA 3. Diabetes UK 4. National Health & Morbidity Survey 2006, MOH



Siswa UMP **membersih rumah** penduduk di Kampung Tengah yang terjejas akibat banjir.
[FOTO AFIF ABD HALIM/BH]

Siswa bersih sekolah, rumah

Kuantan: Atas dasar prihatin, kira-kira 30 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama-sama 50 sukarelawan 1Malaysia Youth For You (1M4U) bergotong-royong membantu mangsa banjir di daerah ini.

Diketuai Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, mereka mulakan aktiviti bergotong-royong membersihkan Sekolah Kebangsaan (SK) Galing, di sini, kira-

kira jam 8 pagi.

Malah, mereka turut membantu menghidangkan sarapan pagi kepada kira-kira 200 penduduk yang masih berada di pusat pemindahan itu.

Sukarelawan itu kemudiannya ke Kampung Tengah bagi membersihkan tiga kediaman penduduk yang terjejas teruk akibat banjir yang melanda bandar ini awal minggu lalu.